

21/09/1999

Memastikan keluhuran undang-undang terpelihara

Magendran Rajagopal

PERSIDANGAN Undang-Undang Komanwel ke-12 (CLC) yang berakhir Khamis lalu diwarnai pelbagai ragam pakar perundangan negara Komanwel. Persidangan empat hari itu dianjurkan oleh Majlis Peguam Malaysia (MPM). Desas desus mengenai kemungkinan forum CLC menjadi gelanggang membelasah negara berikutan beberapa perkembangan dalam dunia perundangan tempatan ternyata meleset. Ramalan bahawa pengamal badan kehakiman akan berpeluh menangkis tohmahan tokoh-tokoh perundangan luar negara, ternyata tidak menjadi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan persidangan itu membuka gelanggang dengan menjelaskan sikap negara ini berhubung isu-isu membabitkan soal undang-undang dan kehakiman. Sikap beliau adalah jelas yang mana pihak yang mempertikaikan sistem perundangan di negara ini hanyalah sekadar membuktikan bahawa mereka hanya "nampak kuman di seberang lautan, tetapi tidak nampak kelibat gajah di depan mata".

Dengan memberi contoh-contoh pengabaian jelas yang dilakukan oleh negara-negara berkenaan, Dr Mahathir tidak menampakkan sedikit pun kebimbangan sistem kehakiman negara ini boleh dipertikaikan. Ramai yang faham dengan penjelasan Dr Mahathir. Adalah tidak adil menyatakan bahawa wujudnya ketidakadilan sistem kehakiman di negara-negara membangun hanya dengan alasan negara itu bukan negara maju. Daripada begitu banyak angkara yang berlaku di dunia hari ini, ia adalah berpunca daripada sikap dan campur tangan negara maju.

Adalah jelas hampir semua daripada kira-kira 1,500 ahli perundangan, termasuk 29 ketua hakim dan 41 hakim yang menghadiri CLC bersikap profesional dan tidak bertindak keterlaluan ketika menyertai persidangan. Jika boleh ditakrifkan kecaman yang agak kecil itu, ramai yang memahami keperluan bidang kehakiman di negara membangun, khasnya di Malaysia. Tindakan segelintir yang menegur atau membidas sistem kehakiman negara ini hanyalah dianggap sebagai perencah yang menceriakan suasana persidangan. Mana yang sesuai dijadikan teladan, kalau tidak, dijadikan sempadan.

Sebagaimana dijangka, kebebasan kehakiman menjadi agenda utama persidangan disusuli isu kebebasan bersuara serta hak asasi manusia dan sejauh mana hak terbabit masih dinikmati masyarakat umum dewasa kini.

Pemenang anugerah Nobel dari Nigeria, Prof Wole Soyinka, dalam ucapan pembukaan CLC, menyifatkan kedua-dua hak terbabit sebagai sesuatu yang kerap dilaungkan kebanyakan negara tetapi jarang diguna-pakai.

"Masyarakat perlu menentukan harga kebebasan dan menetapkan kesanggupan bagi mencapainya, tanpa mengira pengorbanan yang harus dilakukan serta jangka masa yang diperlukan demi menjadikan impian mereka satu kenyataan.

"Pentadbiran setiap negara perlu dibayangi satu kaedah yang mana peranan pentadbir (penggubal undang-undang), badan kehakiman dan pelaksana undang-undang boleh dimantau dan dikawal-selia bagi mendedahkan kepincangannya.

"Kebebasan fungsi dalam setiap badan terbabit tanpa sebarang campur tangan mana-mana pihak wajar dijadikan garis panduan wajib jika masyarakat ingin menjalani hidup secara adil dan saksama," katanya.

Saranan Prof Woyinka itu dimanfaatkan sepenuhnya dalam CLC kali ini yang mana sebahagian besar kertas kerja yang dibentang berkisar mengenai pentingnya keluhuran undang-undang dan kebebasan hak asasi manusia. Presiden MPM, R R Chelvarajah, ketika ditemui pada hari terakhir persidangan, berkata kebebasan membincangkan hal terbabit dalam CLC kali ini tidak dipersoalkan kerana ia dilakukan secara terbuka dan telus.

"Kebebasan kehakiman dan hak asasi menjadi isu panas yang diketengahkan peguam dan hakim kebanyakan negara Komanwel dan secara tidak langsung memberi mereka gambaran lebih jelas mengenai pelbagai perkara.

"Walaupun pada mulanya ramai mempersoalkan sama ada Malaysia lokasi yang sesuai bagi mengadakan sidang CLC ini, saya yakin golongan terbabit kini pulang dengan tanggapan lebih positif," katanya.

Beberapa isu perundangan tempatan yang sering dibincangkan seperti hukuman penjara terhadap wartawan Far Eastern Economic Review, Murray Hiebert, 11 September lalu, kerap kali dibangkitkan dalam forum CLC. Selain itu, isu bekas Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng serta saman malu terhadap wakil negara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Datuk Param Cumaraswamy, turut mencetuskan beberapa sesi pertikaman lidah. Dakwaan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diracuni menggunakan arsenik, yang secara kebetulan mula digembar-gemburkan seminggu sebelum CLC bermula, turut menjadi bahan perbualan peserta.

Beberapa peserta seperti Hakim Mahkamah Tinggi British, Sir Robert Cranworth, turut mengambil peluang mengutuk badan kehakiman negara terhadap keputusan dalam kes Hiebert walaupun mengakui secara terbuka bahawa beliau belum membaca keputusan penghakiman itu.

Namun tindakan celupar Cranworth itu dibidas Hakim Mahkamah Tinggi negara, Datuk Kamalanathan Ratnam yang membela kewibawaan badan kehakiman negara dengan menyifatkan tindakannya tidak kena pada tempat dan menyalahi etika kehakiman. Badan kehakiman tempatan juga menerima teguran peguam veteran, Karpal Singh yang menekankan perlunya memastikan kebebasan badan itu berkekalan tanpa hasutan, paksaan atau manipulasi mana-mana pihak. Walaupun diakui bahawa kebebasan 100 peratus adalah sesuatu yang agak mustahil dicapai, tindakan Karpal mengutarakan kritikan itu, dengan menamakan hakim serta peguam yang didakwa tidak berlaku adil dalam kes tertentu kurang disenangi pelbagai pihak.

Tindakan beliau seterusnya, iaitu menjamin bahawa DAP akan memastikan kebebasan kehakiman terjamin, turut dibidas kerana cuba menjadikan CLC sebagai gelanggang politik untuk kepentingan peribadi.

Namun, beberapa kejadian kecil itu tidak wajar mencemari kejayaan keseluruhan sidang CLC kali ini yang membincangkan pelbagai perkara membabitkan isu perundangan negara Komanwel selain perkembangan dunia perundangan sejagat.

Peguam British, Goeffrey Robertson QC, ketika berceramah dalam forum bertajuk Kebebasan Bersuara: Sejauh Mana Hadnya dan Masalah Yang Dihadapi, berkata kebanyakan undang-undang negara adalah peninggalan penjajah yang harus digubal semula bersesuaian dengan perkembangan semasa masyarakat.

Antara lain, peguam digalak cuba menyelesaikan masalah antara anak guam menerusi rundingan dan hanya membawanya ke mahkamah jika tiada cara lain sebagai langkah mengurangkan kos untuk anak guam, selain menjimatkan masa mahkamah.

Badan perundangan juga diminta meningkatkan tahap kefahaman masyarakat mengenai hak mereka di sisi undang-undang bagi menuntut pampasan atau ganjaran yang setimpal jika berlaku penindasan oleh mana-mana pihak. Dalam hal ini, Kamalanathan, dalam forum mengenai Litigasi Kecuaian Perubatan, menggesa pihak media memainkan peranan dalam mengenengahkan hak seseorang pesakit bagi meningkatkan tanggungjawab doktor terhadap mereka.

Katanya, orang awam masih belum cukup arif mengenai undang-undang dan kerap bertanggapan takdir menentukan segala-galanya tanpa menyedari mereka boleh melakukan sesuatu bagi menuntut hak seperti yang dijanjikan dalam perlembagaan dan undang-undang negara.

Kebanyakan pembentang kertas kerja dalam CLC ke-12 bersetuju bahawa semua hak serta kebebasan yang dilaungkan sepanjang persidangan empat hari

itu hanya dapat dijamin berkekalan jika keluhuran undang-undang terpelihara.

Peranan itu di Malaysia adalah tanggungjawab MPM, yang juga tugas badan seumpama itu di negara Komanwel lain dan perlu dilakukan tanpa tolak-ansur atau terpaksa mengikut telunjuk mana-mana pihak.

Beberapa cadangan bernas dicapai dalam sidang CLC ke-12 dan kini terpulang kepada negara anggota Komanwel bagi mengambil tindakan selanjutnya membetulkan cacat cela yang didedahkan.

(END)